



SIARAN MEDIA

KPKT SALURKAN RM15 JUTA BAGI PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN DI 50 PERKAMPUNGAN INDIA SELURUH NEGARA

SEPANG, 14 Oktober 2025 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah meluluskan sebanyak **RM15 juta bagi melaksanakan 87 projek** Pembangunan Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Keselamatan di **50 Perkampungan India** di seluruh negara pada tahun ini.

Perkara ini diumumkan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) hari ini semasa menyempurnakan **Majlis Sentuhan Kasih MADANI Deepavali** yang berlangsung di Dewan Serbaguna Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang, Selangor.

Peruntukan ini termasuk RM10 juta yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada tahun lepas di bawah inisiatif Belanjawan 2025 untuk **Projek Pembangunan Fizikal di Perkampungan India** yang melibatkan tiga (3) skop utama iaitu Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Keselamatan seperti membaik pulih dan menaiktaraf jalan, longkang, balai raya, dewan serbaguna dan pemasangan lampu solar.

Pada tahun ini, YAB Perdana Menteri turut mengumumkan empat (4) inisiatif tambahan di bawah Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (PPSMI) Tahun 2025 yang diselaraskan oleh Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA).

Melalui inisiatif tersebut, sebanyak **RM5 juta akan diselaras oleh KPKT** sebagai agensi pelaksana untuk tujuan :

- Menaik taraf infrastruktur, seperti jalan raya, sistem perparitan, dan pencahayaan;

- Meningkatkan kemudahan awam, seperti dewan, taman atau tempat berkumpul; dan
- Menambah baik aspek keselamatan di kawasan Perkampungan India.

Dalam majlis ini, YB KM telah menyerahkan replika cek **peruntukan projek pembangunan fizikal di Perkampungan India Negeri Selangor** yang berjumlah **RM5.755 juta daripada jumlah RM15 tersebut** untuk negeri Selangor bagi pelaksanaan 30 projek.

KPKT menggalas kepercayaan dan amanah Kerajaan MADANI untuk memastikan setiap inisiatif ini dapat dilaksanakan dengan berkesan dan memberi impak langsung kepada komuniti sasaran, selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk membangunkan masyarakat secara inklusif dan menyeluruh.

Menurut YB KM, “Projek pembangunan fizikal yang kita laksanakan hari ini bukan sahaja memberi manfaat dari segi fizikal dan kemudahan tetapi juga membuka peluang ekonomi dan sosial kepada komuniti setempat. Dengan adanya infrastruktur yang baik, masyarakat akan lebih mudah mengakses kemudahan, menjalankan aktiviti ekonomi, dan meningkatkan taraf hidup secara menyeluruh.

Majlis hari ini turut diserikan dengan persembahan kebudayaan jamuan Deepavali bagi meraikan pesta Cahaya yang bakal tiba. Ini membuktikan perpaduan dalam kepelbagaian adalah cara hidup rakyat Malaysia, sama ada perayaan Hari Krismas, Tahun Baharu Cina, ataupun Deepavali, kita sambut bersama dengan hati terbuka.

#MalaysiaMADANI
 #Kesejahteraan
 #StrongerTogether
 #DemiPertivi
 #UnityInDiversity
 #RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 / Faks : 03-8891 5557 / E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

